

**TEKS UCAPAN YANG DIPERTUA  
PERHIMPUNAN KORPORAT  
25 FEBRUARI 2013 (ISNIN)  
JAM 8.30 PAGI  
DI HADAPAN PINTU MASUK  
LOBI BANGUNAN IBU PEJABAT MPSP**

---

**Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Mohamud**

Tuan Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan dan Puan-puan Warga Kerja MPSP

---

Terima kasih pengacara majlis,

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Pagi dan Salam  
Sejahtera,

Pertamanya, syukur kehadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnianya dapatlah kita berkumpul pada hari ini bagi Perhimpunan Korporat yang pertama untuk tahun 2013.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Majlis – Ahli Majlis MPSP, Tuan Setiausaha Perbandaran, Ketua Jabatan dan semua kakitangan MPSP kerana bekerja sebagai satu pasukan dan memperolehi pelbagai pencapaian dan kejayaan yang amat membanggakan, baik dari segi melaksanakan tugas dan tanggungjawab malah dari segi keterlibatan dalam aktiviti sosial dan kebajikan telah diberi perhatian.

Tahun 2013 merupakan satu tahun yang amat mencabar bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai. Disini, saya ingin berkongsi maklumat dengan semua yang hadir pada pagi ini mengenai cabaran yang bakal kita hadapi pada tahun 2013.

Budget MPSP 2013 yang bertemakan Membina Keupayaan Fiskal Ke Arah Seberang Perai Yang Bersih Dan Mampan (*Building Fiscal Capacity Towards Cleaner And Sustainable Seberang Perai*). Melalui bajet yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri, pendapatan MPSP dianggarkan adalah berjumlah RM 200,935,630 dan perbelanjaan berjumlah RM 211,283,844 dengan defisit RM 10,348,214. MPSP perlu merangka strategi supaya kedudukan kewangan MPSP sentiasa mampan. Jawatankuasa Peningkatan Hasil dan Pengurangan Kos yang dipengerusikan oleh Tuan Setiausaha Perbandaran telah ditubuhkan untuk tujuan meningkatkan hasil dan mengurangkan kos MPSP. Strategi-strategi peningkatan hasil 2013 adalah:

1. Penambahan hasil baru sebanyak RM 12 juta melalui hasil cukai kadaran seperti pengenaan cukai kadaran ke atas bangunan yang baru, caj “*billboard*” dan talian paip gas Petronas. Hasil juga akan ditingkatkan melalui pengurusan harta Majlis seperti sewaan-sewaan baru, semakan sewa, jualan dan pelupusan. Hasil tambahan juga akan ditingkatkan melalui penjualan aplikasi komputer dan perkongsian data.
2. Penambahan hasil bukan cukai sebanyak RM 5 juta akan diperolehi melalui caj “*rezoning / development*” dan caj-caj yang lebih kompetitif untuk lesen dan sewaan.

Langkah-langkah yang diambil oleh MPSP untuk mengurangkan kos adalah :

1. Mendapatkan value of money dan setiap pemberian adalah menepati apa yang diperlukan oleh semua kakitangan. Aspek keperluan akan diambil kira sebelum sesuatu pembelian dibuat. Jawatankuasa Spesifikasi Pembelian ditubuhkan dimana Proses Perundingan bersama kakitangan yang akan menggunakan sesuatu peralatan atau perkhidmatan untuk mendapatkan maklumat dan skop kerja serta spesifikasi peralatan atau perkhidmatan sebelum pembelian dibuat. Dengan itu, setiap pembelian akan menepati keperluan dan tidak akan berlaku pembaziran.
2. Selain itu, SOP di setiap Jabatan akan terus dipertingkatkan untuk menjimatkan perbelanjaan samaada dari segi perbelanjaan di pejabat,

perbelanjaan utiliti di bangunan MPSP, kompleks pasar, kompleks penjaja, kompleks sukan rekreasi serta kemudahan-kemudahan yang lain untuk masyarakat.

MPSP juga telah menubuhkan Pasukan Pemantauan Projek. Melalui Sistem Pemantauan Pintar atau *Smart Monitoring System* yang telah dilancarkan oleh Y.A.B Ketua Menteri pada 4 Januari yang lalu, kerja-kerja di lapangan (tapak) yang telah diberi kelulusan mengikut spesifikasi oleh Majlis dan kerja-kerja tanpa kelulusan akan dipantau. Setiap kontraktor atau perunding untuk mana-mana projek perlu menghantar gambar di tapak pada setiap minggu kepada Ketua Jabatan, Tuan Setiausaha Perbandaran dan saya supaya kerja-kerja di lapangan dijalankan mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

Untuk makluman semua, MPSP baru mengisi perjawatan yang kosong yang meliputi pelbagai peringkat dari pegawai, penolong pegawai, penolong Pegawai Tadbir. Dengan pengisian ini, saya berharap satu anjakan paradigma untuk bekerja bersungguh-sungguh dan saya juga berharap dengan adanya kakitangan yang baru ini, kamu semua dapat menyuntikkan idea-idea yang baru untuk membantu jabatan masing-masing ke arah yang lebih baik dan mendapat pencapaian yang lebih tinggi. Dengan adanya tambahan kakitangan, alasan seperti tidak dapat menyiapkan tugas kerana kekurangan kakitangan tidak akan diterima.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Sebanyak 7 Fokus MPSP dengan 31 program dan 127 aktiviti yang telah dikenalpasti oleh MPSP untuk dilaksanakan sepanjang tahun 2012 iaitu Fokus Pembersihan Dan Kehijauan, Mewujudkan Eko-Komuniti, Perancangan dan Pembangunan, Penguatkuasaan, Peningkatan Hasil dan Penjimatan Kos, Penyertaan Komuniti Dalam Pengurusan Fiskal serta Pembinaan Kapasiti Modal Insan. Pelaksanaan fokus-fokus ini dipantau oleh sekretariat iaitu Unit Kualiti di Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa. Purata peratus pencapaian untuk Fokus 2012 adalah 92.95%. Pencapaian ini membuktikan pihak Pengurusan MPSP berada di landasan yang betul dalam mencapai visi dan misi MPSP.

Fokus MPSP 2013 telah digubal hasil daripada maklumbalas dari stakeholders, Ahli Majlis, Setiausaha Perbandaran dan Ketua Jabatan yang mewakili setiap jabatan. Hasilnya 7 Fokus MPSP 2013 dengan 37 program dan 87 aktiviti telah dibentuk sebagai kesinambungan kepada Fokus 2012.

7 Fokus MPSP 2013 yang telah dibentuk adalah ;

- Persekitaran Bersih
- Mitigasi Banjir
- Penyertaan dan Kesejahteraan Komuniti
- Pengindahan dan Penghijauan
- Penguatkuasaan Bersepadu
- Pengukuhan Keupayaan Kewangan
- Pembinaan Kapasiti

Melalui Fokus MPSP 2013, iaanya memberi ruang untuk menghasilkan *value added outcome* dan impak yang positif untuk mencapai kejayaan atau sebaliknya boleh menjadi teladan dan iktibar. Fokus MPSP 2013 menterjemah aspirasi stakeholders ke arah mencapai Visi dan Misi MPSP dan seterusnya menyokong inisiatif “*Cleaner, Greener, Safer & Healthier Penang*” yang akan memacu ke arah pencapaian Pulau Pinang Dan Seberang Perai iaitu untuk menjadi bandar bertaraf antarabangsa. Oleh itu, kita harus melaksanakan setiap fokus ini dengan jayanya dan ia merupakan KPI kepada setiap jabatan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Pengurusan sisa pepejal merupakan satu cabaran yang amat sengit kepada MPSP pada tahun 2013. Sebanyak RM 65 juta telah diperuntukan untuk pembersihan pada tahun 2013. Jumlah kutipan sisa pepejal bagi tahun 2012 adalah sebanyak 528,275 tan. Oleh itu, MPSP mensasarkan pengurangan 5% penjanaan sisa pepejal bagi tahun 2013 yang juga bersama dengan pengurangan sebanyak 26,413.75 tan berbanding tahun sebelumnya.

Kadar peratusan kitar semula yang dicapai oleh MPSP pada tahun 2012 adalah sebanyak 29.7%. Pada tahun 2013 ini, MPSP telah mensasarkan peratusan kadar kitar semula sebanyak 32 %.

Oleh itu, pelbagai tindakan diambil oleh MPSP bagi meningkatkan pembersihan di Seberang Perai. Tindakan-tindakan yang diambil:

- Pengambilan 1000 kakitangan tambahan untuk kerja-kerja pembersihan.
- Pembelian 34 lori kompaktor, 2 kren, 2 road sweeper, dan 14 lori tripper serta 35 tong roro yang baru.

Bagi meningkatkan kebersihan di Seberang Perai, kita memerlukan kerjasama daripada semu pihak. Orang ramai diseru untuk jangan membuang sampah merata-rata atau sampah haram di tempat-tempat yang dilarang. Jika MPSP mengambil 2000 kakitangan tambahan sekali pun, tetapi tanpa kerjasama daripada semua pihak, kebersihan di Seberang Perai tidak akan bertambah baik.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Bagi memperkuuhkan program 4 R atau eco-town, Unit Eko-Komuniti telah ditubuhkan di Jabatan Kemasyarakatan. Dengan penubuhan unit ini, ia dapat memberi tumpuan penuh tentang program-program 4R dan eco-town.

Jabatan Landskap MPSP juga akan ditubuhkan, dimana penubuhan Jabatan Landskap MPSP adalah bagi memantapkan kerja-kerja penyelenggaraan landskap di seluruh kawasan pentadbiran MPSP di Seberang Perai dan Jabatan Perkhidmatan Perbandaran akan lebih fokus kepada kerja-kerja pembersihan.

Untuk makluman semua, beberapa projek akan dilaksanakan sepanjang tahun 2013. Pada tahun 2012, beberapa pasar awam telah dinaiktaraf seperti Pasar

Awam Sri Bandar, Pasar Awam Samagagah dan Pasar Awam Taman Berjaya.

Pada tahun ini, sebanyak RM 1.5 juta telah diperuntukan untuk membina satu pasar awam yang baru di Juru, menaiktaraf Pasar Awam Sedia Ada di Kampung Baru dan Pasar Awam Sedia Ada di Berapit.

Beberapa Projek Tebatan Banjir juga akan dilakasankan pada tahun 2013 seperti di :

- Projek Tebatan Banjir di Taman Sri Jaya & Taman Sungai Rambai
- Projek Tebatan Banjir di Taman Sri Nibong, Nibong Tebal
- Projek Tebatan Banjir di Taman Makok & Taman Sempadan
- Projek Tebatan Banjir di Taman Tang Ling, Simpang Ampat

Enam Kompleks Penjaja di Seberang Perai akan dinaiktaraf pada tahun 2013 dengan peruntukan sebanyak RM 1 juta. Diantara kompleks yang akan dinaiktaraf adalah:

- Kompleks Penjaja Taman Tun Dr. Awang
- Kompleks Penjaja Taman Air Tawar Indah
- Kompleks Penjaja Taman Siakap
- Kompleks Penjaja Guar Perahu
- Kompleks Penjaja Kubang Menerong
- Kompleks Penjaja Taman Sentral

Bagi membawa MPSP ke tahap penggunaan ICT, 150 unit komputer dan 7 unit iPad akan dibeli. Pembelian iPad ini susulan daripada pembelian sebelum ini

kepada Ahli Majlis dan Ketua Jabatan. 7 unit iPad ini akan digunakan oleh Timbalan Pengarah dalam tugas mereka.

Pada tahun 2012, MPSP telah berjaya memperolehi beberapa anugerah seperti berikut:

- Penarafan 4 Bintang, Penilaian Sistem Star Rating Oleh KPKT Bagi Tahun 2010/2011 yang diumumkan pada 26 Mac 2012.
- Penerimaan anugerah “Outstanding Contribution Towards Sustainability” daripada Pertubuhan Juruukur DiRaja Malaysia pada 23 Jun 2012
- Persijilan semula MS ISO 14001 : 2004 daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd.
- Sijil Bersih Ketua Audit Negara Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011.
- Naib Johan KIK peringkat Negeri Pulau Pinang pada bulan Oktober 2012.
- Anugerah Penghargaan Pelaksanaan Inisiatif Hijau dalam Kategori Laluan Penjalan kaki daripada Jabatan Perancang Bandar dan Desa sempena Hari Perancang Bandar Sedunia pada 7 November 2012.
- Mendapat tempat ketiga dalam Pertandingan Tandas Bersih Peringkat Negeri Pulau Pinang bagi Kategori Tandas Bersih Pejabat Kerajaan pada 23 November 2012.

- Anugerah Penghargaan Pihak Berkuasa Tempatan Prihatin OKU sempena Sambutan Hari Orang Kurang Upaya 2012 pada 3 Disember 2012
- Penarafan 5 bintang dalam Penilaian Laman Web dan Portal Kerajaan Malaysia 2012 pada 12 Disember 2012
- Anugerah Khas dalam kategori Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan (AIPK) dengan tajuk: Sistem Cukai Taksiran
- Johan dalam kategori Anugerah Inovasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (AIICT) dengan tajuk: CIRM (Councillor Information Relations Management) Sistem Pengurusan Perhubungan Maklumat Ahli Majlis.
- Anugerah Khas dalam kategori Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT) dengan tajuk: Inovasi Kutipan Tunggakan Cukai Pintu.

Disini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Majlis, Tuan Setiausaha Perbandaran, Ketua Jabatan dan semua kakitangan di atas kejayaan ini dan MPSP akan terus berusaha maju ke hadapan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan yang diberikan kepada penduduk Seberang Perai.

Pada tahun 2013, MPSP akan melaksanakan 2 kualiti yang baru iaitu OHSAS dan Pejabat Hijau. OHSAS adalah kualiti yang mengutamakan keselamatan di semua peringkat. Manakala untuk kualiti Pejabat Hijau, MPSP telah diaudit oleh Juruaudit yang dilantik oleh Penang Green Council.

Untuk makluman semua kakitangan MPSP,

Pada bulan Januari yang lalu, saya telah membuat lawatan ke Kawasaki dan Yokohama, Jepun. Hasil daripada lawatan tersebut, saya mendapati penduduk Jepun merupakan penduduk di dunia ini yang amat menepati masa. Contoh yang boleh saya berikan adalah sekiranya mesyuarat dijadualkan pada jam 8:30 pagi, semua yang dijemput akan hadir jam 8:15 pagi, 15 minit lebih awal daripada jadual. Contoh kedua yang saya boleh bagi adalah jadual waktu keretapi, waktu keretapi adalah jam 8:16 pagi dan ketibaan di sesuatu destinasi adalah 9:27 pagi. Mengapa jadual keretapi adalah 8:16 pagi dan bukannya 8:15 pagi atau 8:20 pagi? Ini adalah menunjukkan ketepatan masa pengurusan keretapi di negara Jepun.

Selain pengurusan masa, kebersihan di Jepun adalah sangat memuaskan. Jika tuan-tuan dan puan-puan membuat lawatan ke Jepun pada masa akan datang, tuan-tuan dan puan-puan tidak akan nampak tong-tong sampah di jalan. Tong sampah hanya disediakan di tempat-tempat yang tertentu sahaja seperti di pondok bas dan stesen bas serta keretapi.

Orang Jepun juga merupakan masyarakat yang sangat mematuhi undang-undang. Walaupun masyarakat Jepun merokok, tetapi mereka tidak akan merokok di kawasan-kawasan yang tidak dibenarkan. Tetapi saya mendapati terdapat kakitangan MPSP yang merokok di bangunan MPSP walaupun tahu bahawa merokok adalah dilarang di bangunan MPSP. Adakah ini menunjukkan pendidikan dan kebijaksanaan masyarakat kita adalah lebih rendah daripada masyarakat Jepun? Atau kita tidak berdisiplin?.

Semasa saya membentangkan kertas kerja tentang Eco-Town, saya mendapati rata-rata bandar seperti Kawasaki, Yokohama, Bangkok, Filipina, Chengdu China, Bandung Indonesia yang menyertai forum pada kali ini bercakap tentang 3R, pengurusan sisa pepejal. Para peserta dari pelbagai negara juga amat tertarik dengan aktiviti-aktiviti eco-town yang kita laksanakan di Seberang Perai.

Dalam lawatan kali ini, saya juga telah bertemu dengan *Mayor of Kawasaki* dan *Vice Mayor of Yokohama* untuk membincangkan bagaimana MPSP boleh bertukar pandangan dan amalan yang baik diantara MPSP dengan pihak di Kawasaki dan Yokohama dengan menghantar pegawai MPSP untuk bertugas di pejabat mereka. Untuk mengantarabangsakan MPSP, Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa telah ditubuhkan Januari 2013 untuk membawa MPSP ke peringkat antarabangsa.

Pada hari Khamis yang lalu, delegasi daripada Gwangju City Metropolitan, Korea telah melawat MPSP dan mereka telah menjemput MPSP sebagai “*special guest*” ke satu persidangan yang akan diadakan di Gwangju pada bulan Mei 2013. Selain itu, delegasi daripada Gwangju City Metropolitan, Korea turut memuji langkah-langkah yang diambil oleh MPSP dalam memelihara alam sekitar.

Sebelum mengakhiri ucapan pada pagi ini, semua kakitangan MPSP mempunyai nilai-nilai A, B, C, D, E iaitu:

- A: *Available, accessible, affordable*

- *B: Berani, Benar, Bijak*
- *C: Clean, Crime, Congestion*
- *D: Dirty, Dangerous, Diffcult*
- *E: Enable the people, empower the people, enrich the people*

Semoga pada tahun baru 2013 ini, MPSP akan terus melakar kegemilangan sebagai salah sebuah PBT yang dihormati dan disegani di dalam sektor PBT. Kita hendaklah menjadi sebagai penjawat Awam sentiasa berdisiplin, Dan serious dalam menjalankan tugas. Bak kata YB Dato' SUK dalam ucapannya baru-baru ini sempena lawatan Dato' Seri KSN ke Pulau Pinang, tidak sesiapa yang memaksa tuan-tuan dan puan-puan untuk memohon pekerjaan sebagai Penjawat Awam, atau bekerja di MPSP, tetapi tuan-tuan dan puan-puan dengan rela hati memohon jawatan, menghadiri temuduga dan berusaha untuk mendapatkan jawatan dengan pelbagai janji semasa temuduga, Sekarang sudah memegang jawatan di MPSP, maka tunaikan janji-janji tuan-tuan dan puan-puan , selaras dengan moto kita "*Sustainability is our Commitment*".

Dengan itu, saya sudahi dengan Wabillah Hitaufik Walhidayah Wassalamualaikum wbth.

Sekian, terima kasih.